



Kembara Sutera

2014.01

CRI
中国国际广播电台

Dujiangyan, Tai Air Paling Tua di Dunia
Menikmati Keindahan China dalam Lensa Film
Keindahan Kunming, Gabungan Alam dan Manusia
Nama Keluarga Orang China
Pekarangan Rumah Keluarga Wang
Kegemaran Minum Teh Orang China
Masjid Dongsu Beijing

Tulori

Bangunan Unik di Fujian

Jom ke China

Merancang percutian ke China?

Nak cari

Warisan
Budaya

Hotel
Penginapan

Restoran
Makanan
Halal

Tempat
Peranginan

Masjid



Semua info yang berguna ada di sini.

Kenali China sebelum datang ke China.

**Menjadi rakan kami melalui ID: Kembara-Sutera
atau terus skan kod QR ini.**



Wacana Dari Tembok Besar

Selamat Tahun Baharu 2014. Semoga tahun ini terus membawa kecemerlangan kepada seluruh warga dunia. Tahun ini, tahun ketiga Kembara Sutera (KS) membawa salam persahabatan kami, dari negara Tembok Besar kepada saudara.

Kunming di provinsi Yunnan bukan sahaja ibu kota malah mendapat julukan Kota Musim Bunga kerana cuaca yang nyaman sepanjang tahun di sana. Terdapat banyak destinasi menarik yang anda boleh kunjungi, seperti Tasik Dian dan Taman Eskpo Hortikultur Dunia.

Tahukah saudara, penduduk China terdiri daripada 56 etnik, yang masing-masing mempunyai keunikannya. Kali ini, kami akan perkenalkan etnik Bonan, salah satu etnik penganut Islam di China.

Oh ya, bagi penggemar makanan laut, khususnya udang, kami menyajikan sebuah resepi istimewa Hanzhou, yang terkenal dengan destinasi Tasik Barat, iaitu Udang Lenggong. Resepi ini mudah dan pasti menggamit selera anda.

China sentiasa mengalu-alukan pengunjungnya. Bagi anda yang pertama kali berkunjung ke negara ini, dan bersendirian, jangan bimbang. Kali ini kami memaparkan panduan di tiga buah lapangan terbang utama di China, iaitu Beijing, Shanghai dan Guangzhou.

Akhir kata, teruskan membaca Kembara Sutera sebagai panduan pelancongan anda ke China. Sebagai paparan kami sajikan untuk anda. Sebarang cadangan dan kemusykilan, jangan ragu-ragu ajukan kepada kami melalui mal@cri.com.cn.

张雯雯
Awan

06

Dujiangyan, Tali Air Paling Tua di Dunia

10

Menikmati Keindahan China dalam Lensa Filem

14

Keindahan Kunming, Gabungan Alam dan Manusia

20

Nama Keluarga Orang China

22

Gunung Mian yang Mempesonakan

24

Pekarangan Rumah Keluarga Wang

26

Panduan di Tiga Lapangan Terbang di China

28

Kegemaran Minum Teh Orang China

32

Etnik Bonan, Etnik Yang Beragama Islam di China

33

Masjid Dongsu Beijing



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

**Nelawati Ngadul
Zhang Wei Lin Ying**

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

**Julai, September, November,
Januari, Mac, Mei**

Laman Sesawang:

<http://malay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/crimalay

E-mel:

mal@cri.com.cn

Surat-menyurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:

+86-10-68892073

Dujiangyan

Tali Air Paling Tua di China

oleh: **Li Jian**

Dujiangyan merupakan sebuah tali air yang amat bersejarah. Ia dibina di Sungai Min di bahagian barat Dataran Chengdu, provinsi Sichuan, China. Sebelum tali air Dujiangyan dibina, bencana air bah sering berlaku di Sungai Min. Pada tahun 256 Sebelum Masihi iaitu pada Zaman Negeri-Negeri Berperang, pegawai tadbir Sichuan yang ditugaskan oleh kerajaan Negeri Qin, yang juga pakar tali air, Li Bing dan anak lelakinya telah mengetuai pembinaan tali air ini. Setelah tali air ini siap dibina, Dataran Chengdu menjadi kawasan pertanian yang subur dan banyak menghasilkan bahan makanan serta menjadi kawasan pertanian utama di China. Yang menakjubkan ialah, tali air purba yang sudah bersejarah lebih dua ribu tahun itu sampai sekarang masih digunakan dan memainkan peranan penting bagi mengairi ladang dan menyalirkan air banjir.



Projek tali air Dujiangyan dibina di antara kawasan pergunungan Min yang purata ketinggiannya mencecah 4000 hingga 5000 meter dari paras laut dan kawasan Lembangan Sichuan yang ketinggiannya hanya 300 hingga 700 meter dari paras laut. Oleh sebab selisih ketinggian antara kawasan pergunungan dan kawasan lembangan itu begitu besar, air Sungai Min yang mengalir deras dari kawasan pergunungan sentiasa menyebabkan kawasan Dataran Chengdu yang terletak di pinggir barat Lembangan Sichuan mengalami banjir teruk pada musim tengkujuh setiap tahun.

Hampir setiap warga China mengetahui bahawa Sichuan dikenali sebagai Tian Fu Zhi Guo (yang

bermaksud tempat yang subur dan banyak menghasilkan bahan makanan). Tetapi mungkin jarang ada orang yang mengetahui bahawa sebelum projek Dujiangyan dibina, Dataran Chengdu dan Lembangan Sichuan sering mengalami bencana air bah yang teruk akibat limpahan air Sungai Min.

Berdasarkan penyelidikan yang rapi dan perhitungan yang saintifik, Li Bing mengambil keputusan untuk membina tali air yang besar di kaunti Guan, Sichuan iaitu Dujiangyan pada masa ini. Bagi beliau, tujuan utama pembinaan projek tali air ini adalah untuk mengatasi bencana banjir, manakala tujuan kedua adalah untuk kebaikan sektor pertanian dan kaum tani di kawasan tengah dan hilir Sungai Min di Dataran Chengdu dan Lembangan Sichuan.

Projek Dujiangyan terdiri daripada tiga bahagian iaitu Yuzui, Feishayan dan Baopingkou.

Yuzui, yang bermaksud mulut ikan dalam bahasa Mandarin, merupakan tambak berbentuk ikan yang dibina di tengah Sungai Min untuk memisahkan aliran air sebagai sungai dalam dan sungai luar. Air sungai dalam digunakan untuk mengairi sawah ladang, manakala sungai luar untuk menyalirkan air bah.

Baopingkou, yang bermakna mulut pasu dalam bahasa Mandarin pula merupakan pintu masuk air sungai dalam. Ia dapat mengawal jumlah air yang mengalir masuk.

Feishayan, sebuah tambak panjang dan rendah, merupakan saluran sepanjang 200 meter yang dibina di antara Yuzui dan Baopingkou. Fungsinya untuk

memastikan aliran air yang terlalu deras yang memasuki sungai dalam dapat disalurkan ke sungai luar menerusi saluran ini bagi menjamin keselamatan sungai dalam dan Baopingkou, pintu masuk air sungai dalam. Selain itu, Feishayan juga berfungsi mengurangkan pasir dan batu yang mendap di hadapan Baopingkou.

Projek tali air yang besar-besaran pada zaman kini biasanya terdiri daripada tembok konkrit tinggi untuk membendung air sungai dan takungan air besar. Tetapi tali air Dujiangyan tidak mempunyai tembok yang tinggi dan takungan air yang besar seumpama itu. Ia hanya terdiri daripada dua buah tambak yang kecil lagi rendah di tengah sungai iaitu Yuzui dan Feishayan. Namun, tali air yang sederhana ini memenuhi fungsi tali air berukuran besar yang moden pada masa ini, iaitu membendung air bah, menyelaraskan aliran air sungai pada musim tengkujuh dan kemarau, menghanyutkan dan mengurangkan batu dan pasir yang mendap serta mengairi sawah ladang.

Li Bing memang seorang yang bijaksana. Projek Dujiangyan yang direka oleh beliau mampu menjalankan fungsinya dengan hanya bersandarkan kekuatan alam dan tanpa perlu dikawal oleh manusia. Bahan yang digunakan dalam pembinaan projek ini juga merupakan bahan yang senang didapati di sana. Sebagai contoh, beberapa bahagian tambak dibina dengan menggunakan ketulan

batu yang dimasukkan dalam keranjang panjang yang diperbuat daripada buluh. Bahan yang sederhana ini kosnya rendah dan mudah untuk dibaik pulih serta

ditukar pada bila-bila masa. Faktor ini juga menjadi sebab utama projek tali air kuno ini dapat terus berfungsi selama lebih 2000 tahun hingga kini.

Projek tali air terkenal ini mendapat pujian ahli geografi Jerman bernama Richthofen pada tahun 1872: “Kesempurnaan pengairan Dujiangyan tiada tandingnya di dunia”.

Pada tahun 2000, projek yang unggul ini bersama-sama dengan Gunung Qingcheng yang terletak berhampirannya telah disenaraikan sebagai Warisan Dunia.



Panduan

Sekiranya anda ingin melihat sendiri projek tali air yang megah ini, anda boleh pergi ke bandar Chengdu, ibu kota provinsi Sichuan. Terdapat perkhidmatan bas ke Dujiangyan. Perjalanan itu mengambil masa satu jam.

Menikmati Keindahan

China Dalam

Lensa Filem

oleh: Sun Muning, Qin Miao, Lin Ying



Lautan Buluh di Selatan Sichuan

Filem *Crouching Tiger, Hidden Dragon* mendapat sambutan yang baik di seluruh dunia. Dalam filem tersebut, penggambaran adegan pertempuran dalam lautan buluh dianggap bahagian yang paling menarik.

Penggambaran adegan tersebut dilakukan di kawasan "Lautan Buluh" yang terletak di selatan provinsi Sichuan.

Kawasan Lautan Buluh yang juga dikenali sebagai Wan Ling Qing, terletak 50km dari pusat kaunti Changning. Hutan buluh meliputi keseluruhan 28 gunung dalam kawasan pelancongan tersebut. Hutan buluh yang subur menghijau yang meliputi seluruh kawasan tersebut menjadikan pemandangannya umpama lautan berwarna hijau. Hutan buluh yang amat luas ini sukar ditemui sama ada di dalam atau di luar China.

Bukan sahaja buluh, di kawasan ini juga terdapat gunung, sungai dan pelbagai pokok lain. Selain itu, beberapa tempat pemujaan agama Buddha juga dapat ditemui di dalam lautan buluh tersebut. Persekitaran alam semula jadi amat nyaman, air terjun yang jernih, dan buluh yang menghijau di kawasan pelancongan ini pasti menjadi kenangan yang tidak dapat anda lupakan.

Panduan Pelancongan

Tiket: RMB110 dari Januari hingga November. RMB 60 pada Disember. Lokasi: 328km jauh daripada bandar Chengdu, dan 238 km dari bandar Chongqing. Penginapan: Terdapat banyak inap desa yang istimewa di Lautan Buluh. Anda boleh membuat tempahan melalui laman web. Sewanya lebih kurang RMB100 dan ada potongan harga pada musim biasa. Pelancong persendirian biasanya lebih suka tinggal di inap desa.

Bangunan Diaolou di Guangdong

Filem *Let the Bullets Fly* arahan Jiang Wen, pengarah terkenal di China, menyebabkan bangunan-bangunan Diaolou di kota Kaiping, Guangdong yang sebelum ini kurang dikenali semakin popular di seluruh negara China. Pelancongan di Kaiping turut menjadi hangat bahkan trend semasa.


Di kawasan ladang pertanian yang terbentang luas di luar kota Kaiping, bangunan-bangunan bercirikan seni bina Eropah kelihatan tersergam bersama-sama dengan rumah tempatan yang mempunyai seni bina tradisional China. Ini pemandangan kampung seumpama itu yang satu-satunya di China.

Diaolou yang bermaksud menara pengawal merupakan bangunan banyak tingkat yang menggabungkan fungsi kediaman dan pertahanan. Bangunan-bangunan ini ada yang mempunyai keunikan seni bina Greece kuno, Rom kuno dan Islam.

Diaolou dibahagi kepada tiga jenis. Pertama, menara lampu yang biasanya dibina pada hadapan atau belakang kampung. Kedua, bangunan tiga hingga enam tingkat yang dibina bersama oleh beberapa keluarga. Pada waktu biasa, tiada orang tinggal di Diaolou namun jika bencana banjir melanda atau diancam oleh perompak, mereka akan berpindah ke sana. Ketiga, bangunan yang dibina sendiri oleh perantau sebagai rumah kediaman.

Panduan Pelancongan

Pengangkutan: Anda boleh menaiki bas jarak jauh dari bandar Guangzhou, dan turun di stesen Jiangping, bandar Jiangmen. Perjalanan mengambil masa dua jam. Pakej pelancongan: Terdapat banyak kompleks bangunan Diaolou di Kaiping. Tiket masuk lebih kurang RMB130. Masa lawatan dua hingga tiga jam. Selain itu, pemandangan di sekitar Diaolou pula mempesonakan, khususnya pada musim bunga. Penginapan: Anda boleh pergi dan balik pada hari yang sama dan menginap di Guangzhou. Terdapat juga perkhidmatan inap desa di Kaiping.



Tulou di Fujian

Filem *The Knot* mungkin kurang dikenali oleh peminat filem Malaysia. Walaupun cerita cinta semasa peperangan pada awal abad yang lalu itu amat menyedihkan, namun kampung yang indah dan bangunan rumah penduduk yang unik itu tetap meninggalkan kesan yang mendalam kepada para penonton. Tulou, sejenis bangunan rumah yang unik di Fujian mula dikenali ramai sejak filem tersebut ditayangkan.


Tulou ada banyak bentuk. Selain bentuk bulat yang menyerupai kubus, ada juga yang berbentuk empat segi, lapan segi, segi empat tepat dan bujur. Setiap bangunan Tulou mempunyai satu halaman di tengah-tengah dan dikelilingi oleh rumah-rumah bertingkat empat atau lima, yang dapat menampung sehingga beratus-ratus orang penghuni.

Antara pelbagai bentuk Tulou, yang berbentuk bulat adalah yang paling unik dan menarik. Tulou bulat yang paling besar saiznya ialah bangunan Shun Yu Lou di kaunti Nanjing.

Tulou yang mempunyai ciri-ciri seni bina dan gaya hiasan yang unik ini, terdapat berselerak di kaunti Yongding, Wuping dan Shanghang di bahagian barat provinsi Fujian serta beberapa buah kaunti di barat dayanya.

Panduan Pelancongan

Ada pakej pelancongan sehari ke Tulou dari bandar Xiamen, Quanzhou, dan beberapa bandar di provinsi Fujian. Harganya antara 400 hingga 700 yuan.



Gunung Gongga di Sichuan

Filem *Mural* yang diarahkan oleh pengarah Hong Kong terkenal, Gordon Chan dan ditayangkan pada tahun 2011 ini menceritakan kisah seorang pelajar masuk ke dalam sebuah lukisan dan jatuh cinta dengan pari-pari di dalam lukisan tersebut. Untuk menggambarkan suasana syurga dalam filem tersebut, Chan telah berusaha untuk mencari tempat penggambaran yang sesuai, yang akhirnya ditemui di Gunung Gongga di provinsi Sichuan, China.

Gunung Gongga yang terletak di timur Dataran Tinggi Qinghai-Tibet itu merupakan gunung yang paling tinggi di provinsi Sichuan. Oleh sebab puncak utama gunung ini tingginya 7556 meter dari paras laut, gunung tersebut juga dikenali sebagai Raja Gunung di Sichuan.

Puncak salji terletak di merata-rata tempat di kawasan pergunungan tersebut. Selain itu, kawasan itu juga merupakan salah satu kawasan suci agama yang penting di Sichuan. Gunung Gongga dikenali sebagai satu daripada empat gunung suci. Penduduk tempatan termasuk etnik Han, Tibet dan Yi menghormati gunung dan memuja gunung tersebut.

Yanzigou merupakan destinasi pelancongan yang paling terkenal dalam kawasan pergunungan Gongga. Gunung salji yang berwarna putih, hutan yang menghijau dan batu merah menjadikan kawasan ini destinasi pelancongan yang cantik, istimewa dan berwarna-warni.

Panduan Pelancongan

Tiket: RMB 85 seorang untuk melahcong bersendirian. RMB 920 seorang untuk perkhidmatan lengkap. Pengangkutan: Anda boleh menaiki bas jarak jauh dari bandar Chengdu, ibu kota provinsi Sichuan ke Pekan Moxi. Terdapat perkhidmatan bas dari Moxi ke gunung Gongga. Penginapan: Pekan Moxi merupakan pusat pelancongan di sekitar kawasan Gunung Gongga. Berikutan jumlah pelancong ke tempat tersebut semakin meningkat, kemudahan penginapan di Moxi juga pelbagai. Anda boleh memilih penginapan mengikut keperluan sendiri, seperti tinggal di inap desa yang sederhana atau hotel di sini.



Ikuti editor KS melancong di China



Wang Jin, Ketua Editor majalah Kembara Sutra. Suka membaca, melancong dan mencuba makanan istimewa yang enak apabila melancong ke sesuatu tempat. Dalam K.S. terbitan ini, ikutilah dia melancong secara santai ke bandar Kunming, ibu kota provinsi Yunnan China.

Provinsi Yunnan China dipanggil “tempat di selatan awan berwarna” dan ini cukup membuktikan pesona provinsi ini. Jika ditanya kepada pelancong yang berpengalaman di China khususnya pencinta alam, apakah tarikan utama di Yunnan, mereka pasti akan menyebut banyak tempat seperti Dali, Lijiang, Shangri-La, Tengchong, Xishuangbanna, dan lain-lain. Namun bandar Kunming, ibu kota provinsi Yunnan selalu dianggap sebagai tempat perhentian sebelum meneruskan pengembaraan ke destinasi seterusnya. Ya memang benar, bandar ini seperti kebanyakan bandar besar di China: moden, sibuk dan bising. Walau bagaimanapun, bandar ini juga tidak kurang menarik sekiranya anda berminat singgah di sini satu atau dua hari untuk meneroka keindahannya, seperti Tasik Dian, Taman Ekspo Hortikultur, Hutan Batu di luar bandar, dan kawasan komersial Nanping.

Apa kata ikuti penulis menjelajah bandar Kunming, yang pasti tidak merugikan malah menambah seri pengembaraan anda di Yunnan.

Keindahan Kunming

oleh: Wang Jin

Gabungan Alam dan Manusia



Tasik Dian

“Mutiarara Dataran Tinggi”



Panduan Pelancongan

Pengangkutan: Naik bas No. 24, 44, 73, dan 94. Turun di stesen Haigeng Gongyuan. Tiket masuk Taman Haigeng: RMB10. Tiket kereta kabel ke Gunung Barat: RMB 40.

Awal-awal pagi, penulis berangkat dari hotel penginapan, menaiki bas No. 24 menuju ke Tasik Dian. Kira-kira satu jam kemudian, penulis tiba di destinasi pertama hari itu, iaitu Taman Haigeng. Sebaik memasuki pintu utama, penulis segera merasai ketenangan di tempat yang jauh dari kebisingan bandar ini: pokok-pokok yang menghijau, burung-burung berkicauan, dan melihat orang-orang tua beriadah di sini.

Taman Gunung Barat di tepi Tasik Dian berkeluasan kira-kira 900 hektar. Setelah melawat Taman Haigeng dan Tasik Dian, penulis meneruskan pelancongan ke Taman Gunung Barat dengan menaiki kereta kabel dari tepi Tasik Dian.

Taman Gunung Barat terdiri daripada beberapa puncak gunung termasuk Gunung Biji, Gunung Huating, Gunung Taihua, Gunung Taiping dan Gunung Luohan. Puncak Gunung Luohan merupakan puncak yang paling tinggi di taman ini dengan ketinggiannya 2507.5 meter dari paras laut, iaitu lebih tinggi 620 meter daripada permukaan air Tasik Tianchi. Hutan yang amat subur menghijau di taman ini terdiri daripada hutan pokok daun lebar subtropika di bahagian bawah gunung dan hutan pokok pain di bahagian atas gunung.

Gunung Barat digelar sebagai Gunung Biji pada zaman Dinasti Tang (tahun 618-907) dan disebut sebagai Gunung Taihua pada zaman Dinasti Yuan (tahun 1271- 1368) dan Dinasti Ming (tahun 1368-1644). Oleh sebab gunung ini terletak di bahagian barat bandar Kunming, penduduk tempatan menyebut gunung ini sebagai Xi Shan (xi bermaksud barat, shan bermaksud gunung). Taman Gunung

Taman Haigeng ini tidak begitu luas, dari pintu timur ke pintu barat, hanya kira-kira 2.5 kilometer. Tidak begitu jauh dari sana, kelihatan Taman Gunung Barat. Maka penulis memutuskan untuk berjalan kaki dari timur ke barat sambil menikmati keindahan Tasik Dian yang luas ini.

Tasik Dian digelar sebagai “Mutiarara Dataran Tinggi”. Tasik yang terbentuk akibat pergerakan kerak bumi lebih 12 juta tahun lalu ini merupakan tasik air tawar keenam terbesar di China dengan keluasan kira-kira 330 kilometer persegi. Air Tasik Dian ini berpunca daripada lebih 20 batang sungai, termasuk Sungai Panlong dan Sungai Baoxiang.

Pemandangan di Tasik Dian yang luas ini amat indah. Lebih-lebih lagi, pemandangan ini sentiasa berubah mengikut perubahan cuaca, awan dan warna cahaya matahari. Sewaktu berjalan di tepi tasik, angin bertiup sepoi-sepoi bahasa, ombak memukul tebing tasik, burung-burung yang terbang di atas tasik, serta gunung di sekitar tasik, umpama satu lukisan yang cukup menawan hati.

Sekiranya anda tidak suka berjalan kaki, terdapat cara yang lebih selesa iaitu dengan menaiki bot persiaran.

Taman

Gunung Barat



Barat amat indah pemandangannya, dengan gunung-gunung yang beralun, pokok-pokok yang hijau merimbun, burung-burung yang berkicauan riang, anak sungai mengalir di lembah yang dalam, air jernih yang terpancar dari mata air serta awan yang kelihatan indah disinari cahaya matahari.

Selain menikmati keindahan pemandangan semula jadi di taman ini, para pelancong juga boleh melawat ke beberapa tempat pelancongan di taman ini, antaranya Kuil Huating, Kuil Taihua, Pavilion Sanqing dan Longmen (pintu naga).

Jika mendaki sampai ke Longmen, para pelancong boleh menyaksikan cenuram yang tinggi dan curam di bawah gunung serta menikmati panorama Tasik Dian yang indah.



Kawasan

Komersial Jalan Nanping

Setelah melawat Tasik Dian dan Taman Gunung Barat, hari sudah lewat dan penulis pulang ke pusat bandar untuk makan dan menghabiskan waktu malam dengan membeli-belah. Maka Jalan Nanping menjadi pilihan pertama.

Jalan Nanping antara kawasan perniagaan utama di Kunming. Kawasan di sekitar jalan ini pernah menjadi pusat kewangan dan rekreasi pada masa lampau kerana terdapat 48 buah agensi kewangan pada tahun 1940-an, sehingga kawasan ini digelar sebagai Wall Street Kunming.

Akhir-akhir ini, kerajaan bandar Kunming berusaha membangunkan kawasan di sekitar Jalan Nanping untuk memperbaiki suasana membeli-belah, mengekalkan daya tarikan kawasan pusat bandar bagi menerajui perkembangan ekonomi, kebudayaan dan aktiviti rekreasi bandar ini. Sekarang, kawasan perdagangan yang luasnya

40 ribu meter persegi ini telah menjadi pusat hiburan dan rekreasi di bandar Kunming. Selain membeli-belah, para pengunjung juga dapat menghayati budaya dan sejarah di sini.

Selain kompleks beli-belah, pasar raya yang besar, kedai-kedai dan medan selera yang moden, terdapat juga lima kumpulan patung yang menggambarkan kehidupan harian penduduk tempatan pada tahun 1920 hingga 1930-an di sepanjang laluan pejalan kaki Jalan Nanping yang panjangnya 685 meter. Patung-patung tersebut bukan sahaja membolehkan para pengunjung menghayati budaya tradisi bandar Kunming, malah mewujudkan suasana kesenian di kawasan perdagangan yang sibuk ini.

Setelah menjamu selera dan membeli buah tangan untuk kawan-kawan, penulis pulang ke hotel dengan perasaan puas hati.

Taman Ekspo

Hortikultur Dunia Kunming

Panduan Pelancongan

Waktu lawatan: 8.00 pg. – 6.00 ptg.
Tiket Masuk: RMB100
Pengangkutan: Menaiki bas No. 47, 69, 71, 182, 194, 204, 228, 235, 904, 905, turun di stesen Taman Hortikultur.



Penulis akan menaiki kapal terbang untuk kembali ke Beijing pada petang hari terakhir di Kunming. Maka waktu pagi ini, penulis mahu melancong secara santai di bandar saja.

Ekspo Hortikultur Dunia diadakan di bandar Kunming pada 1999. Walaupun ekspo itu sudah menjadi sejarah, namun tapak ekspo itu diadakan iaitu Taman Ekspo Hortikultur Kunming tetap menjadi tempat pelancongan yang utama di bandar ini.

Taman ini berkeluasan 218 hektar dengan 10% hingga 15% daripadanya merupakan tasik atau kolam. Kawasan cerun yang tidak begitu curam di taman ini seluas 120 hektar. Kadar liputan tumbuh-tumbuhan pula mencatat 76.7%. Taman yang dibina di lereng gunung ini kelihatan tersusun persekitarannya manakala bangunan yang mengandungi kebun contoh dan taman hortikultur yang direka bentuk oleh pereka dari pelbagai provinsi dan bandar China serta 95 buah negara lain kelihatan amat megah. Landskap di taman ini mencerminkan tema Ekspo Hortikultur Dunia 1999 iaitu “Manusia dan alam sekitar berkembang bersama secara

harmoni”. Taman ini mempamerkan budaya yang bercirikan Yunnan, keadaan perkembangan di China dan reka bentuk kebun dan taman yang berprestasi tinggi di dunia.

Taman Ekspo Hortikultur Dunia Kunming terdiri daripada lima buah dewan pameran, tujuh buah taman pameran tema khas, 34 buah taman pameran dalam negeri dan 33 buah taman pameran luar negara. Lima buah dewan pameran ialah Dewan Antarabangsa, Dewan China, Dewan Manusia dan Alam Sekitar, Dewan Sains dan Teknologi serta Rumah Hijau; manakala tujuh buah taman pameran tema khas ialah Taman Pokok, Taman Buluh, Taman Bonsai, Taman Herba, Taman Teh, Taman Sayur-sayuran dan Buah-buahan serta Taman Bunga dan Batu Seni. Lebih 200 juta tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada 2551 jenis ditanam di dalam taman ini, termasuk 112 jenis yang hampir pupus. Aktiviti-aktiviti rekreasi diadakan setiap hari termasuk pertunjukan kesenian, perarakan kereta berhias dan filem, di samping aktiviti yang meriah diadakan untuk menyambut hari raya.

都江堰景区游览图

Tourist Map of Dujiangyan Scenic Area

国家级重点风景名胜区

State-level Main Scenic Spot

全国重点文物保护单位



National Protection Unit for Cultural Relics

国家AAAA级旅游区

National AAAA Tourist Destination

国家级文明风景区

State-level Civilized Scenic Spot



都江堰景区出入口
Entrance & Exit of Dujiangyan Scenic Area

图例

- 主 游 道
- 附 游 道
- 古 城 墙
- 游客急救中心
- 停车场
- 中 餐 馆
- 公共厕所
- 残疾人设施
- 电话亭
- 医务室
- 售票处
- 垃圾箱
- 消防点
- 旅游观光车

都江堰景区出入口
Entrance & Exit of Dujiangyan Scenic Area

都江堰景区出入口
Entrance & Exit of Dujiangyan Scenic Area

都江堰景区出入口
Entrance & Exit of Dujiangyan Scenic Area



Nama Keluarga Orang China

Bukan Sekadar Nama

Selepas dilahirkan, setiap orang pasti diberi nama. Nama memainkan peranan yang mewakili diri sendiri dan membezakan setiap individu dengan orang lain, serta digunakan ketika menyertai pelbagai aktiviti masyarakat. Akan tetapi, dalam masyarakat China pada zaman silam, fungsi nama tidak terhad untuk tujuan itu.

Dalam sejarah, nama keluarga bagi orang China merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia berkaitan status dan semangat bangsa China, selain turut memainkan peranan yang amat penting dalam bidang politik, kebudayaan dan aktiviti masyarakat. Dokumen sejarah membuktikan bahawa pada lebih sejuta tahun yang lalu, manusia telah hidup di Tanah Besar China sekarang.

Namun, sejarah berkaitan orang China mempunyai nama keluarga bermula pada lima hingga enam ribu tahun yang lalu, iaitu masyarakat yang menggunakan nasab ibu. Keistimewaan masyarakat nasab ibu ialah wanita menguruskan urusan dalam puak, sekali gus melaksanakan sistem perkahwinan dengan puak yang lain tetapi melarang perkahwinan dalam puak yang sama. Oleh sebab sistem tersebut dilaksanakan, maka setiap pasangan mesti dipastikan tidak mempunyai hubungan darah. Oleh itu, nama keluarga yang mewakili orang yang mempunyai hubungan darah mula digunakan.

Berdasarkan bukti yang ditemui oleh sarjana Dinasti Qing, Gu Yanwu, terdapat 22 nama keluarga yang bersejarah paling lama di negara China, selain

banyak lagi nama keluarga telah lenyap seiring dengan perkembangan zaman. Serentak dengan itu, nama keluarga yang diwarisi juga telah mengalami perubahan besar. Pada kira-kira empat hingga lima ribu tahun yang lalu, selepas masyarakat nasab ibu dan nasab bapa, pelbagai lapisan masyarakat telah muncul di China. Salah satu perkara yang sering berlaku pada zaman itu ialah tercetusnya peperangan antara suku yang berlainan nenek moyang. Dalam peperangan itu, orang yang membuat sumbangan besar mendapat tanah sebagai hadiah. Pengikut dan tawanan perangnya bersama-sama ke kawasan itu dan meneroka kawasan penempatan baharu. Mereka ini mempunyai pelbagai nama keluarga sendiri. Namun, selepas pergi ke tempat penempatan baharu, mereka juga mendapat nama keluarga yang baharu yang

berkaitan dengan kawasan itu.

Pada abad ke-3 Sebelum Masihi, selepas Maharaja Qinshihuang menyatukan seluruh negeri China, orang China mula ada nama yang lengkap. Kemudian, dalam masyarakat feodal China yang bersejarah lebih dua ribu tahun, puluhan dinasti mengalami perubahan, setiap perubahan membentuk banyak kawasan penempatan yang baharu. Maka, nama yang baharu juga muncul, dan turut menjadi simbol status kedudukan mereka dalam masyarakat, sekali gus membentuk kebudayaan nama keluarga serta diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.

Kini, sudah menjadi perkara biasa perantau China yang tinggal di luar negara selalu kembali ke China untuk mencari asal usul nenek moyang mereka.

Gunung Mian yang Mempesonakan

oleh: Wang Jin



Gunung Mian, yang juga dikenali sebagai Gunung Jie, terletak di sebelah tenggara Jiexiu, provinsi Shanxi di kawasan tengah China. Gunung ini merupakan sebahagian daripada Banjaran Taiyue, panjangnya kira-kira 50 kilometer dan puncak tertinggi kira-kira 2070 meter dari paras laut.

Terdapat satu cerita yang tersebar dalam kalangan rakyat tentang asal usul nama gunung ini. Kononnya pada zaman Chunqiu dan Negeri-Negeri Berperang, iaitu lebih 2,000 tahun yang lampau, terdapat seorang bangsawan dari negeri Jin, bernama Jieztui. Pada waktu itu, raja negeri Jin, iaitu Chong'er terpaksa melarikan diri disebabkan peperangan. Selama lebih 10 tahun, Jieztui mengikuti Chong'er dengan penuh taat dan setia. Pada waktu yang paling susah, Jieztui dikatakan sanggup memotong daging pada pahanya untuk dijadikan makanan bagi Chong'er. Setelah Chong'er berjaya berkuasa semula dan menjadi raja Negeri Jin, Jieztui tidak mahu dilantik sebagai menteri oleh rajanya. Maka beliau bersama-sama ibunya, kembali ke Gunung Mian dan menetap di sana. Walau bagaimanapun, Raja Chong'er mahu Jieztui berkhidmat untuk baginda. Maka baginda pun memerintahkan menteri-menterinya untuk mencari Jieztui di Gunung Jie. Mereka menjalankan perintah itu, tetapi gagal menemui Jieztui. Raja Chong'er mengarahkan supaya gunung itu dibakar untuk memaksa Jieztui keluar. Malangnya Jieztui enggan keluar dan mati dalam kebakaran itu.

Raja Chong'er berasa sangat sedih, lalu menukar nama gunung itu menjadi Gunung Jie untuk memperingati Jieztui.

Di Gunung Mian ini, terdapat banyak kuil Buddha. Perjalanan pelancong biasanya dimulakan dari Kuil Huiluan, yang terletak di Kampung Xingdi, di kaki Gunung Mian ini.

Kuil Longtou, yang bermaksud "kepala naga" merupakan kuil kedua yang kita lalui dalam perjalanan. Setelah melalui kuil ini, kita akan memasuki kawasan pusat gunung ini.

Dengan menyusuri jalan yang berliku-liku di sini, kita semakin mendekati pusat kawasan gunung ini, iaitu tempat yang paling indah di sini. Pemandangan di kedua-dua tepi jalan, seperti cenuram yang tegak, batu-batan yang beraneka bentuk, serta pokok-pokok yang menghijau merupakan satu pemandangan yang amat mempesonakan. Ada batu yang berbentuk payu dara, dan air mengalir terjun ke dalam kolam di bawah batu ini, maka ia dikenali sebagai "kolam mata air dari puncak payu dara".

Setelah melalui tempat ini, kita terus berjalan lagi menyusuri laluan yang sempit, menuju ke



destinasi seterusnya, iaitu Gua Awan. Di sini, ada kepulan awan yang keluar dari gua di tempat yang tinggi, dan pemandangan ini dianggap sebagai satu gambaran yang cukup mengujakan dan mempesonakan. Setelah berjalan sejauh 2.5 kilometer melalui Jambatan Rusa dan Jambatan Arnab, kita perlu mendaki sebanyak 127 anak tangga lagi, barulah boleh sampai ke Batu Buddha. Batu yang besar ini berbonjol pada bahagian atasnya dan kembung pada bahagian bawahnya, kelihatan seolah-olah Buddha sedang mendakap perutnya dengan tangan.

Setelah sampai ke tempat yang tinggi di sini, kita boleh menyaksikan satu pemandangan yang indah sekali: gunung yang menghijau di tempat yang jauh, lembah dengan sungai yang airnya mengalir jernih di bawah, serta kuil-kuil yang mengeluarkan asap yang berkepul-kepul ke udara. Semua ini seolah-olah membawa kita ke satu dunia khayalan yang mengasyikkan.

Batu Buddha ini ialah kawasan pusat Gunung Mian. Di sebelah timur, kita boleh memanjat tangga yang diperbuat daripada besi, untuk sampai ke puncaknya. Di sini, ada Gua Yinkong, Kuil Zhulin (hutan buluh), Kuil Tiewa (genting besi) dan lain-lain. Di sebelah barat laut, terdapat Batu Ligu, tempat adik Maharaja Li Shimin memuja Buddha. Di sebelah selatan pula, ada Gua Qipan (papan catur). Di dalam gua ini, terdapat beberapa lukisan Buddha dan batu-batu bersurat.

Gunung Mian, dengan sejarah yang lama dan tapak peninggalan sejarah yang banyak serta legenda yang menarik, telah menjadi salah satu tempat peranginan yang terkenal di China.



Panduan Pelancongan

Pengangkutan: Terdapat bas jarak jauh dari bandar Taiyuan, ibu kota provinsi Shanxi ke kaunti Jiexiu. Perjalanannya mengambil masa dua jam hingga dua setengah jam.
Tiket: RMB110 (1 April – 31 Oktober) RMB90 (1 November – 31 Mac)


Panduan Pelancongan

Pengangkutan: Anda boleh pergi ke bandar Taiyuan, ibu kota provinsi Shanxi dahulu, kemudian naik bas jarak jauh ke kaunti Lingshi untuk melawat Pekarangan Rumah Keluarga Wang. Perjalanan dari Taiyuan ke Lingshi sejauh 140 kilometer dan mengambil masa dua jam. Jika anda ingin melawat secara berombongan, terdapat agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan dua hari ke Pekarangan Rumah Keluarga Wang dan Gunung Mian. **Tiket Masuk:** RMB66.00 **Waktu Lawatan:** 8.00 pg. – 7.30 ptg. (musim panas) 8.00 pg. – 6.00 ptg. (musim sejuk)



Pekarangan Rumah Keluarga Wang

oleh: **Wang Jin**



Pada zaman Dinasti Ming (1368-1644) dan Dinasti Qing (1644-1911), para pedagang kaya dari provinsi Shanxi di utara China mula membina pekarangan rumah yang besar di kampung halaman mereka.

Pada awal zaman Dinasti Qing, iaitu lebih 300 tahun yang lalu, tiga orang pedagang, iaitu Wang Qianshou, Wang Qianhe, Wang Zhengju telah berjaya mengusahakan perniagaan keluarga mereka hingga mereka menjadi keluarga pedagang yang paling kaya pada ketika itu. Pada pertengahan zaman Dinasti Qing, pekarangan rumah keluarga Wang siap dibina. Pekarangan rumah keluarga Wang di kaunti Lingshi, bahagian tengah Shanxi ini merupakan pekarangan yang paling luas dan paling terkenal.

Pekarangan yang besar ini mencakupi kawasan seluas 34,650 meter persegi, dan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu pekarangan timur, pekarangan barat dan rumah pemujaan nenek moyang.

Pekarangan ini dikelilingi tembok yang tinggi dengan pintunya tebal lagi kukuh. Pekarangan besar itu dibahagikan kepada beberapa pekarangan kecil yang didiami secara berasingan oleh beberapa generasi keluarga. Susunan pekarangan besar ini amat teratur, namun berbeza-beza. Setiap pekarangan kecil disambung dengan koridor dan pintu yang pelbagai bentuk. Banyak ukiran kayu dan batu bata yang cantik didapati pada bangunan dalam pekarangan ini. Pembinaan pekarangan besar ini menggabungkan seni bina dari bahagian selatan dan utara China.

Di pekarangan timur, yang juga disebut sebagai Gaojiaya, terdapat empat pintu keluar masuk. Bangunan utama di sini ialah dua buah Siheyuan (rumah yang mempunyai laman dalam), dan masing-masing mempunyai tiga laman dalam dari hadapan ke belakang. Setiap Siheyuan ini dilengkapi dengan tembok di hadapan, batu untuk menaiki kuda, batu alas tiang bendera, sepasang singa batu, tangga batu dan lain-lain. Semua ini merupakan lambang status bagi keluarga orang besar-besar pada zaman silam di China.

Apabila keluar dari pintu barat pekarangan timur ini, terdapat satu

lalan yang menyambungkan pekarangan ini dengan pekarangan barat.

Pekarangan barat yang juga disebut Hongmenbao ini, merupakan sebuah kompleks bangunan yang bentuknya seperti kastil. Lebarinya dari barat ke timur 105 meter, dan panjangnya dari utara ke selatan 180 meter. Berbeza dengan pekarangan timur yang mempunyai empat pintu keluar-masuk, pekarangan barat ini hanya ada satu pintu utama, tepat berhadapan dengan jalan utama dalam kastil ini.

Tembok di bahagian paling luar kastil ini yang dibina dengan batu bata yang berwarna kelabu gelap, tingginya lapan meter, dan tebalnya lebih dua meter. Tembok ini bentuknya seperti Tembok Besar (Great Wall). Di sudut timur laut dan barat laut, serta di pintu keluar-masuk tembok ini, masing-masing ada lalan yang membolehkan orang naik ke atas tembok.

Jalan utama dari utara ke selatan dalam pekarangan barat ini dibina dengan menggunakan batu yang bulat dan besar-besar. Ia juga dikenali sebagai “jalan kulit naga”. Panjangnya 133 meter, manakala lebarnya 3.6 meter. Jalan utama ini membahagikan pekarangan barat ini kepada dua bahagian. Terdapat tiga batang lorong dari barat ke timur. Maka jalan utama dan tiga batang lorong ini telah membentuk perkataan “王”, atau “Wang”, iaitu nama keluarga ini.

Terdapat 27 buah laman dalam, besar atau kecil, dalam pekarangan barat ini. Susunan laman-laman dalam ini hampir sama, iaitu terdiri daripada dua buah laman dalam yang kecil, bilik-bilik utama di sebelah utara dan bilik-bilik sampingan di timur dan barat.

Pekarangan Rumah Keluarga Wang yang besar ini bukan setakat kompleks bangunan rumah kediaman sahaja. Teknik pembinaan, hiasan dan pahatan yang halus di sini menjadikannya sebuah muzium seni bina tradisional China. Karya seni bina boleh didapati di merata-rata tempat di pekarangan besar ini, seperti pada genting, tembok, tingkap, pintu dan lain-lain. Binaan di sini menggabungkan ciri seni bina dari bahagian utara China yang besar dan megah, dengan seni bina dari selatan yang halus dan elegan.

Pekarangan Rumah Keluarga Wang yang besar ini disifatkan sebagai kompleks bangunan rumah yang dipelihara paling baik di provinsi Shanxi.




Panduan di Tiga Lapangan Terbang Antarabangsa China

oleh: **Lin Ying**

Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing

Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing (BCIA) merupakan lapangan terbang yang paling sibuk di Asia, dan kedua di dunia selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Hartsfield-Jackson Atlanta, AS.

Terdapat tiga terminal di BCIA, iaitu Terminal 1 (T1), Terminal 2 (T2) dan Terminal 3 (T3). Bagi pelancong dari Malaysia, penerbangan AirAsia berlepas dan mendarat di T2, manakala penerbangan MAS sudah berpindah ke T3 bermula tahun 2013.



Beli-Belah Kedai bebas cukai, Sunrise di BCIA digelar “destinasi pertama lawatan ke luar negara” oleh pelancong China. Kedai-kedai bebas cukai di lapangan terbang ini menawarkan pelbagai jenis barangan dengan harga hanya 60%-70%, malah lebih rendah daripada harga runcit di China, yang mengenakan tarif tinggi terhadap barangan mewah yang import. Perbandingan terhadap kedai bebas cukai di pelbagai lapangan terbang di Asia oleh mereka yang kerap menaiki kapal terbang mendapati harga kosmetik di Sunrise benar-benar amat kompetitif.

Sunrise juga memasarkan kraftangan yang bercirikan China, namun harganya tidak begitu murah. Bagaimanapun, jika anda terlupa membeli hadiah untuk sahabat handai sebelum menaiki kapal terbang, barangan ini pilihan yang baik untuk anda.

Makan Minum Selain restoran makanan segera seperti KFC, Subway dan Pizza Hut, BCIA juga menawarkan pelbagai restoran lain, antaranya Celestial Cuisine, restoran kuisin China yang terbaik di T3 dan Phrik Thai, yang menghidang kuisin Thai.

Maklumat Pengangkutan

1) **Bas** Ulang-alik Percuma Antara Terminal

BCIA menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik secara percuma di antara terminal untuk memudahkan penumpang yang perlu bertukar penerbangan.

Perhentian:

T1: di luar Pintu 7 Tingkat 1

T2: di luar Pintu 7 Tingkat 1

T3: Pintu 5 Tingkat 1

2) **Tren Ekspres Lapangan Terbang** Tren ekspres menghubungkan T2 dan T3 dengan pusat bandar Beijing, di stesen Dongzhimen, dan Sanyuanqiao.

Waktu Operasi:

T2: 6.35 pagi - 11. 10 malam

T3: 6. 20 pagi – 10. 50 malam

Dongzhimen dan Sanyuanqiao: 6. 00 pagi – 10. 30 malam

Tren berlepas selang sepuluh minit pada 9.30 pagi – 12.30 petang dan 4.00 petang – 6.40 petang, dan 12 minit pada waktu yang lain. Tambang sehala: RMB25

3) **Teksi** Lokasi menaiki teksi: Sila berpandukan papan tanda di dalam terminal.

4) **Bas** Menaiki bas lapangan terbang dari pusat bandar Beijing ke BCIA hanya memerlukan masa kira-kira satu hingga satu setengah jam. Jika ingin menaiki bas ini, anda boleh meminta maklumat jadual bas serta stesen bas yang paling dekat dengan anda di hotel tempat anda inap terlebih dahulu. Anda dicadangkan berlepas lebih awal bagi mengelakkan ketinggalan penerbangan. Tambang sehala: RMB16

Maklumat Lain BCIA menyediakan perkhidmat WiFi secara percuma kepada penumpang. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman sesawang rasmi BCIA, iaitu <http://www.bcia.com.cn>.

Lapangan Terbang Antarabangsa Baiyun Guangzhou



Lapangan Terbang Antarabangsa Baiyun Guangzhou (GBIA) yang dianggap sebagai pintu gerbang Guangzhou, bandar ketiga terbesar di China ini merupakan hab bagi penerbangan China Southern Airlines, Hainan Airlines, Shenzhen Airlines serta kargo FedEx, selain menjadi lapangan terbang utama bagi penerbangan antarabangsa China.

Beli-Belah Terdapat pelbagai kedai jenama antarabangsa dan tempatan di GBIA, khususnya jenama “SHANGHAI TANG” milik warga Hong Kong yang diterapkan unsur-unsur reka bentuk China yang amat digemari oleh pelanggan dari Asia Tenggara.

Makan Minum Untuk kemudahan penumpang, terdapat banyak pilihan restoran di GBIA, antaranya Cafe De Coral, iaitu restoran rantaian makanan segera China terbesar di Hong Kong, Restoran Jin Long yang menyediakan kuisin Guangdong dan masakan istimewa Sichuan, Hunan dan timur laut China.

Maklumat Pengangkutan

1) **Metro** Anda boleh menaiki Laluan 3 Metro Guangzhou dari pusat bandar ke GBIA, yang mengambil masa lebih kurang 45 minit.

2) **Teksi** Tambang sehala: kira-kira RMB100-120

3) **Bas** GBIA menyediakan 10 laluan bas ekspres yang berulang-alik dari lapangan terbang ke pusat bandar, dengan selang waktu 20-30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman sesawang rasmi GBIA, iaitu <http://www.gbiac.net>.



Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong Shanghai

Kebanyakan penerbangan antarabangsa yang keluar masuk Shanghai berlepas dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong Shanghai (SPIA). Jika perlu bertukar penerbangan domestik China, anda mungkin perlu berpindah ke satu lagi lapangan terbang di bandar raya ini, iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Hongqiao.

Beli-Belah Sama seperti Beijing, kedai bebas cukai, Sunrise juga merupakan pengendali utama di SPIA, yang menawarkan kosmetik dengan harga cukup murah.


Makan Minum SPIA menyediakan banyak restoran dengan cita rasa yang berbeza-beza untuk memudahkan para penumpang. Antaranya Zhen Kung Fu, restoran makanan segera China yang menghidangkan aneka jenis sup kukus, nasi kukus dan lauk kukus; restoran kuisin Shanghai, Shanghai Renjia yang menyediakan pelbagai hidangan enak dari pelbagai tempat lain; dan restoran Shao Xing yang menyediakan kuisin Shao Xing, sebuah bandar di provinsi Zhejiang selain masakan tempatan Shanghai.

Maklumat Pengangkutan

1) **Bas** Tambang dan waktu bas berlepas adalah berbeza-beza mengikut terminal dan laluan yang berlainan. Sila rujuk kepada laman sesawang rasmi SPIA.

2) **Tren Maglev** Menaiki tren maglev dari Stesen Metro Jalan Longyang ke SPIA yang panjangnya kira-kira 30 kilometer, memerlukan masa kira-kira lapan minit, dengan tambang sehala RMB50 manakala tambang pergi balik RMB80.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman sesawang rasmi SPIA, iaitu <http://www.shanghaiairport.com>.




Kegemaran Minum



Orang China

oleh: Zhang Wei & Wang Jin





Orang China menggemari teh, dan sering menjamu kawan-kawan dan tetamu dengan teh. Teh adalah keperluan dalam kehidupan harian orang China.

Pokok teh berasal dari China. Pada zaman dahulu, selepas menemui pokok teh, orang China mula menggunakan teh untuk tujuan perubatan sebelum teh berkembang sebagai minuman

harian. Berdasarkan cara pemprosesan daun teh, teh China boleh dibahagikan kepada teh hijau, teh merah, teh Oolong, teh bunga, teh tuo (daun teh yang dimampatkan menjadi bentuk mangkuk) dan teh batu bata. Setiap kategori teh tersebut pula mempunyai banyak jenis.

Teh hijau tidak diproses melalui penapaian. Teh hijau yang terkenal termasuk teh Longjing dari kawasan Tasik

Barat di Hangzhou, teh Biluochun dari provinsi Jiangsu, teh Maofeng dari Gunung Huangshan di provinsi Anhui, dan teh Liu'an Guapian dari kaunti Liu'an di provinsi Anhui.

Teh merah berwarna merah gelap dan diproses melalui kaedah penapaian. Teh merah China yang terkenal adalah teh merah Qi dari provinsi Anhui, dan teh merah Dian dari provinsi Yunnan

Teh Oolong diproses secara separa penapaian. Daun teh jenis ini agak berlerai dan tebal, dan airnya berwarna kuning keemasan. Teh Oolong yang terbaik dikeluarkan di Gunung Wuyi, provinsi Fujian.

Teh bunga yang hanya terdapat di China, dibuat dengan mengasapkan daun teh dengan bunga-bunga wangi. Teh bunga yang paling terkenal ialah teh melur yang dikeluarkan di provinsi Fujian.

Teh Tuo, yang dikeluarkan di provinsi Yunnan dan Sichuan, pula dimampatkan menjadi bentuk ban kukus yang bulat.

Teh batu bata berbentuk seperti batu bata, dan merupakan teh kegemaran etnik-etnik minoriti China termasuk etnik Mongol dan Tibet.

Minum teh bukan sahaja bermanfaat bagi menghilangkan dahaga dan keletihan, tetapi juga boleh membantu penghadaman dan mencegah beberapa penyakit.

Pendek kata, minum teh secara kerap berfaedah bagi kesihatan kita.



Teh Longjing

Teh Longjing, antara teh yang paling terkenal dan digemari oleh rakyat di negara China. Teh ini dikategorikan sebagai teh hijau. Ia mempunyai sejarah lebih 1,200 tahun. Teh yang dihasilkan di kawasan sekitar Tasik Barat, bandar Hangzhou dianggap paling berkualiti. Teh Longjing mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu warnanya hijau, baunya harum, rasanya manis dan bentuknya cantik.

Nama teh ini berasal daripada Longjing, yang bermaksud perigi naga, yang terletak di Bukit Wengjia, sebelah barat Tasik Barat.


Teh Longjing terdiri daripada tiga jenis, iaitu Teh Longjing Tasik Barat, Teh Longjing Qiantang dan Teh Longjing Yuezhou. Hanya teh yang dihasilkan di kawasan seluas 168 kilometer persegi di sekitar Tasik Barat dinamakan Teh Longjing Tasik Barat, yang kualitinya paling baik.

Mutu teh ini dibahagikan kepada tiga gred berdasarkan waktu penuaiannya yang berlainan. Gred

pertama dipetik sebelum Hari Qingming, iaitu sekitar 5 April; gred kedua dipetik sebelum Hari Guyu, iaitu sekitar 20 April; manakala gred ketiga dipetik selepas Hari Guyu. Daun teh mesti dipetik menggunakan tangan, bukannya mesin. Waktu diangkut, teh ini juga perlu disimpan di dalam bakul buluh untuk mengelakkan daunnya terjejas.

Setelah dipetik, daun teh yang segar itu akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut saiz dan warnanya. Selepas itu, daun teh akan dikeringkan dalam kualiti besi yang besar oleh tukang yang berpengalaman.

Teh Longjing digemari ramai kerana ia amat baik untuk kesihatan. Antaranya menghilangkan kepenatan, membantu melancarkan pengaliran darah, mengurangkan lemak, mencegah penyakit gigi dan mengawal kanser.





Etnik Yang Beragama Islam di China

Etnik Bonan

oleh: Zhang Xian

Etnik Bonan, merupakan salah satu daripada 10 etnik yang beragama Islam di negara China. Etnik ini mempunyai lebih 20 ribu orang penduduk berdasarkan bancian penduduk China tahun 2010. Kebanyakan warga etnik ini menetap di provinsi Gansu dan Qinghai di kawasan barat laut China.

Etnik Bonan mempunyai bahasa pertuturan sendiri tetapi tidak mempunyai sistem tulisan. Namun kebanyakan mereka fasih berbahasa Mandarin. Mereka mengamalkan agama Islam dalam kehidupan mereka termasuk upacara perkahwinan dan pengebumian yang dilakukan menurut peraturan Islam.

Masyarakat etnik Bonan kebanyakannya bekerja dalam sektor pertanian, penternakan dan pembuatan kraf tangan, contohnya pisau Bonan yang sangat tajam dan halus, serta sangat popular bukan sahaja di China bahkan di dunia.

Pada zaman dahulu, etnik Bonan tinggal bersama-sama dalam kelompok etnik Mongol. Oleh itu, ciri-ciri pakaian etnik ini juga mirip etnik Mongol. Mereka memakai jubah dan topi kulit pada musim sejuk, dan suka mengikat tali pinggang sutera dengan hiasan sulaman.

Sekarang, pakaian etnik Bonan hampir sama dengan pakaian masyarakat etnik Hui (sebuah etnik minoriti yang beragama Islam). Lelaki Bonan memakai topi putih, kemeja putih dan seluar biru atau kelabu. Gadis Bonan pula suka memakai baju yang berwarna terang dan tudung sutera berwarna hijau, manakala golongan wanita tua biasanya memakai baju berwarna gelap dan tudung berwarna putih.

Pisau Bonan sangat halus dan cantik buatannya. Pisau ini bukan

sahaja menjadi peralatan kegunaan harian, tetapi juga sering dijadikan hadiah untuk rakan-rakan. Pisau Bonan sangat terkenal dalam kalangan penduduk di bahagian barat laut China termasuk di dunia Arab. Terdapat banyak jenis pisau Bonan dan diukir dengan gambar naga, bunga, dan pelbagai ukiran lain bergantung kepada jenis pisau.

Etnik Bonan juga mempunyai lagu yang sangat terkenal dan dinyanyikan semasa majlis keramaian biasanya semasa upacara perkahwinan. Seni kata lagu itu sangat indah dan sedap didengar. Pada malam hari perkahwinan, semua rakan sekampung berkumpul di rumah pengantin baharu. Pemuda berkumpul mengelilingi unggun api di rumah pengantin lelaki dan menyanyi sambil menari dalam suasana yang sangat meriah dan bahagia.



Masjid Dongsi



Masjid Dongsi dibina pada tahun 1447 (Dinasti Ming). Masjid ini merupakan salah sebuah masjid kuno yang terbesar dan terbaik di bandar raya Beijing.

Masjid Dongsi berkeluasan kira-kira 10 ribu meter persegi. Gaya pembinaannya bercirikan seni bina bangunan istana pada zaman Dinasti Ming. Dewan solat utama masjid ini tingginya 15 meter dengan keluasan 500 meter persegi, yang boleh menampung 500 jemaah menunaikan solat.

Masjid Dongsi dianggap sebagai pusat budaya Muslim di Beijing. Persatuan Agama Islam Beijing juga berpejabat di sini.

Masjid ini sering diziarahi oleh rombongan pelawat dari negara-negara Islam kerana keunikan dan keindahannya serta lokasinya yang berhampiran dengan tempat beli-belah.

Panduan untuk ke Masjid Dongsi

Untuk sampai ke Masjid Dongsi, anda boleh menaiki kereta api bawah tanah laluan 5, dan turun di stesen Dongsi, masjid tersebut betul-betul berdekatan dengan stesen ini.

Setelah turun di stesen Dongsi, keluar ke Chaoyangmennei Dajie, bergerak ke simpang sebelah kiri Dongsinan Jie. Masuk ke dalam dan sebelah kanan melepasi 3 pintu bangunan itulah Masjid Dongsi.



wǒ xiǎng qù dōng sì qīng zhēn sì, xiè xiè.
我想去东四清真寺,谢谢。
(Saya nak ke Masjid Dongsi, terima kasih.)

dì zhǐ: běi jīng shì dōng chéng qū dōng sì nán dà jiē 13 hào.
地址:北京市东城区东四南大街13号。
(Alamat: No. 13 Jalan Dongsi Nandajie, Dongcheng, Beijing.)





Udang Longjing

Udang Longjing, iaitu sejenis masakan berasaskan udang yang dimasak dengan daun teh Longjing adalah hidangan yang istimewa dan amat terkenal dari kawasan Hangzhou, provinsi Zhejiang China. Menyediakan hidangan ini amat mudah. Berikut kami paparkan resepi hidangan yang enak ini.

Bahan-bahan:

1000gm udang hidup bersaiz kecil atau sederhana,
2gm daun teh Longjing,
1 biji telur,
wain, (saudara boleh menggantikan bahan ini dengan jus anggur)
secubit garam,
2.5gm MSG,
40 gm tepung kanji,
daun bawang,
halia,
100 gm minyak masak.

Cara-cara memasak:

1. Kupas udang, basuh bersih dan tus atau keringkan dengan tuala dapur. Masukkan ke dalam mangkuk dan tambahkan garam, serbuk perasa MSG dan telur putih, kacau dengan penyepit. Apabila sebat, masukkan tepung kanji.
2. Ambil sebiji cawan. Rendam daun teh Longjing dengan 50gm air mendidih selama 1 minit. Tapis 40 gram air teh. Tinggalkan baki air teh dan daun teh untuk kegunaan kemudian.

3. Panaskan minyak dalam kualiti. Masukkan udang, kacau selama kira-kira 15 saat. Keluarkan udang. Tus minyak.
4. Panaskan sedikit minyak dalam kualiti. Goreng bawang dan halia. Masukkan udang yang digoreng tadi, daun teh dan air teh ke dalam kualiti. Tambah sedikit wain atau jus anggur, garam dan MSG. Kacau seketika sebelum angkat untuk dihidangkan.



Pemilihan Sepuluh Berita Asia Tenggara yang Paling Penting Tahun 2013

Sertai dan pilih "Sepuluh Berita Asia Tenggara yang Paling Penting Tahun 2013" mengikut pendapat anda. Buatlah pilihan, anda berpeluang memenangi hadiah-hadiah daripada CRI.

- 01.** Pada 12 Februari 2013, Tentera Sulu Filipina menceroboh Sabah, dan kemudian diusir oleh tentera Malaysia.
- 02.** Mei hingga Ogos 2013, arena ekonomi dan kewangan di beberapa negara Asia Tenggara bergolak sehingga pulih stabil pada September.
- 03.** Pada 25 Julai 2013, Vietnam dan AS mengumumkan penjalanan hubungan rakan strategik menyeluruh.
- 04.** Pada 25 Julai 2013, Myanmar menubuhkan Suruhanjaya Penilaian Pemindaan Perlembagaan.
- 05.** Pada 28 Julai 2013, pilihan raya Kemboja diadakan. Parti Rakyat memenangi 68 kerusi antara 123 kerusi Majlis Rakyat. Parti Penyelamatan Negara menolak mengakui keputusan pilihan raya kerana tindakan penipuan.
- 06.** Pada 14 hingga 15 September 2013, China dan negara-negara ASEAN mengadakan perbincangan mengenai Kod Tatalaku di Laut China Selatan.
- 07.** Pada Oktober 2013, kumpulan pemimpin baharu China memperkenalkan dasar terhadap ASEAN. Presiden China, Xi Jinping mengesyorkan pembinaan "komuniti China-ASEAN yang berkongsi nasib bersama" sempena lawatan rasmi ke Indonesia pada 3 Oktober 2013; Perdana Menteri, Li Keqiang mengemukakan rangka kerjasama "2+7" ketika menghadiri mesyuarat China-ASEAN pada 9 Oktober 2013.
- 08.** Presiden Barack Obama membatalkan kehadiran pada Sidang Pemimpin ASEAN-AS dan lawatan ke negara-negara Asia Tenggara kerana penutupan kerajaan.
- 09.** Nahas udara syarikat penerbangan Laos pada 16 Oktober 2013.
- 10.** Skandal pengintipan oleh AS dan Australia menjadi tumpuan di Malaysia, Indonesia dan rantau Asia Tenggara.
- 11.** Pada 4 hingga 5 November 2013, kerajaan Myanmar julung kali membincangkan perjanjian gencatan senjata dengan kumpulan militan kaum minoriti dalam 50 tahun.
- 12.** Pada 11 November 2013, Mahkamah Antarabangsa membuat pengadil mengenai kedaulatan Kuil Preah Vihear, Thailand Kemboja berpuas hati dengan keputusan berkenaan.
- 13.** Pada 17 November 2013, Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe mengakhiri lawatan ke Laos, sekali gus menyelesaikan lawatan rasminya ke sepuluh negara ASEAN.
- 14.** Bencana taufan Haiyan melanda Filipina pada 18 November 2013, menyebabkan kerugian besar.
- 15.** Pergolakan arena politik di Thailand.

TOP 10

Anda boleh mengundi melalui dua cara berikut:

a. Kirim e-mel kepada alamat: mal@cri.com.cn Sila tambah "10 Berita 2013" dalam tajuk emel.
b. Kirim borang di bawah ke alamat: Malay Service, China Radio International, 16A Shijingshan Rd, 100040 Beijing, P.R. China
Sila kirim kembali keputusan pemilihan anda sebelum 15 Januari 2014. Keputusan yang paling menghampiri keputusan muktamad, berpeluang mendapat hadiah hebat. Keputusan muktamad pemilihan dan senarai pemenang akan diumumkan dalam Kembara Sutera terbitan Mac 2014.

*Nama: _____

*Emel: _____

(Sila pastikan alamat e-mel anda betul dan berfungsi bagi memastikan kami dapat menghubungi anda.)

Nombor Telefon: _____

*Jawapan anda: _____

(Sila pilih 10 berita, nyatakan nombor tanda berita tersebut.)

Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti :



restoran
Islam



masjid



pusat
beli-belah



tempat
pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

App *Waktu solat di China* ini khusus untuk pengguna Android. Anda boleh muat turun aplikasi ini di google play store.

Laman sesawang: <http://malay.cri.cn>

E-mel: mal@cri.com.cn

Facebook: www.facebook.com/crimalay